

Interaksi Sosial Terhadap Kanak-Kanak: Teori dan Aplikasi Nabawi Berdasarkan Hadis Yā Abā ‘Umayr

Social Interactions Towards Children: The Theory and Application of Nabawi Based on Hadith Yā Abā ‘Umayr

Muhammad Saifullah Mamat¹, Khairulnazrin Nasir² & Rahim Kamarul Zaman³

¹ (Corresponding Author) Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin, 21300, Malaysia, e-mail: hapish88@yahoo.com.my

² Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic College, 15370, Malaysia, e-mail: khairulnazrin19@gmail.com

³ Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic College, 15370, Malaysia, e-mail: abdulrahimkz51@gmail.com

ABSTRAK

Perkembangan sosial kanak-kanak bermula sejak bayi lagi. Mereka belajar berhubung dengan orang lain mengikut cara yang telah didedahkan oleh budaya setempat. Mereka meniru segala tingkah laku yang dilakukan oleh ibu bapa dan masyarakat tanpa membuat penilaian mengenai sesuatu tingkah laku samada bersesuaian atau tidak untuk diamalkan. Perkembangan sosial terdiri daripada kemahiran berinteraksi dengan orang lain, pembentukan identiti sendiri, penghargaan sendiri dan kawalan sendiri. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengajaran hadis ‘Yā Abā ‘Umayr’ agar dapat diambil serta diaplikasikan oleh ibu bapa dan masyarakat sebagai panduan untuk mendidik anak-anak. Kajian ini menggunakan kaedah deduktif untuk menghubungkan hadis dengan teori serta pengaplikasiannya. Kajian menggabungkan teknik penulisan secara deskriptif bagi memberi penjelasan mengenai maksud interaksi sosial kanak-kanak dan masyarakat yang diajarkan oleh baginda Nabi SAW Secara keseluruhannya, terdapat sembilan pengajaran yang dapat diambil hasil daripada penelitian yang dilakukan terhadap hadis tersebut iaitu pemuliaan kanak-kanak, akomodasi pengetahuan, kecindan, perapatan, dan lain-lain lagi. Erikson (1968) mengatakan pendidikan awal kanak-kanak akan melalui lapan peringkat perkembangan, setiap peringkat perkembangan akan mempengaruhi perkembangan seorang itu untuk berjaya di masa depan. Oleh itu, ibu bapa dan masyarakat perlu menyedari hakikat pendidikan peringkat awal kanak-kanak merupakan salah satu proses kemenjadian manusia yang bitara.

Kata kunci: Interaksi Sosial; Kanak-kanak; Aplikasi; Hadis Nabawi

ABSTRACT

The social development of children begins at infancy. They learn to communicate with others in ways they have been exposed to by local cultures. They imitate the behaviour of their parents and the community without evaluating whether it is appropriate or not to be practised. Social development consists of interaction skills and the formation of self-identity, self-esteem and self-control. In this regard, the study aims to analyse the teachings of the hadith of Yā Abā 'Umayr for said teachings to be taken and applied by parents and society. This study uses deductive methods to relate the hadith to the theory and its application. The study combines descriptive writing techniques to explain the meanings of social interactions of children and society taught by Prophet Muhammad. In total, there are eight lessons can be taken from the research conducted on the hadith. According to Nelson-Jones (1995), the learning process comes from experience. Hence, parents and societies need to be aware of the very nature of education at the earliest stage of childhood as it is one of the processes of human personality that is emulated by the best examples.

Keywords: *Social Interaction; Children; Application; Hadith Nabawi*

1. Pendahuluan

Kebolehan berinteraksi kanak-kanak bergantung kepada perkembangan sosial mereka. Jika perkembangan sosial seseorang kanak-kanak itu berkembang dengan baik, kanak-kanak tersebut tidak mempunyai masalah dalam kebolehan mereka berinteraksi dengan orang di sekelilingnya. Menurut Sunarto dan Hartono (1999), hubungan sosial merupakan hubungan antara manusia yang saling memerlukan diantara satu sama lain. Hubungan sosial dimulai daripada tingkat sederhana serta terbatas, yang didasari oleh keperluan yang agak sederhana. Semakin dewasa dan bertambah umur, keperluan manusia menjadi semakin kompleks. Oleh hal yang demikian, tingkat hubungan sosial juga berkembang secara kompleks. Oleh kerana itu, tidak hairan jika masih ada kanak-kanak yang kurang berinteraksi atau tidak berinteraksi dengan orang lain walaupun mereka berada pada zaman yang serba moden ini.

Menurut Syamsul Yusuf (2007), beliau menyatakan bahawa perkembangan sosial merupakan pencapaian kematangan dalam hubungan sosial. Ini bermaksud, kanak-kanak akan cepat matang, mempunyai keyakinan diri yang tinggi, cepat belajar sekiranya mereka banyak terlibat dan terdedah dengan hubungan sosial bersama orang sekeliling samada ibu bapa, guru, dan rakan sebaya. Hubungan sosial adalah hubungan antara individu dengan individu yang lain, dan ianya saling mempengaruhi terutama berkaitan dengan akhlak, jati diri, keyakinan dan sebagainya. Kanak-kanak

yang dapat berinteraksi atau mampu bekerja dalam kumpulan merupakan contoh hubungan sosial di antara kanak-kanak yang baik.

Koehler & Prior (1993) menegaskan bahawa komunikasi diantara guru dan pelajar adalah penting, beliau mengatakan;

“Most would agree that teaching and learning could occur without texts, blackboards, or manipulatives, but we maintain that the learning process would exist for only a very few students if classroom interaction with teachers and peers were eliminated. Teacher-student interactions are indeed the heartbeat of the teaching-learning process.”

Petikan di atas menunjukkan bahawa ramai orang yang bersetuju mengenai pengajaran dan pembelajaran boleh berlaku tanpa buku teks, papan tulis atau bahan manipulatif. Proses pembelajaran hanya akan wujud bagi sebahagian pelajar sahaja sekiranya komunikasi pelajar dengan guru dan rakannya dihapuskan. Komunikasi pelajar dengan guru dan rakan sebayanya merupakan ‘denyutan nadi’ bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Ini membuktikan bahawa proses interaksi sosial seseorang manusia amat penting dalam membentuk jati diri yang positif.

Beralih kepada tanggapan Maher & Alston (1990). Pernyataan tersebut membincangkan tentang kepentingan interaksi sosial dengan mengatakan bahawa persekitaran baru diperlukan untuk mewujudkan peluang bagi membina struktur yang lebih kukuh. Mereka mengatakan bahawa terdapat situasi yang membolehkan guru-guru dan pelajar-pelajar memperluaskan pengetahuan mereka, dan berinteraksi dengan orang lain dalam proses perundingan sosial. Pengalaman dan fahaman amat diperlukan untuk meningkatkan perkembangan intelektual dan moraliti yang berterusan.

Pada era globalisasi kini, peranan pendidikan telah beralih kepada pemudah cara dan penggalak kepada pembelajaran. Kanak-kanak sering didedahkan dengan teknologi yang saban hari semakin canggih samada sebagai alat permainan ataupun bahan pembelajaran. Bahan pembelajaran bersifat teknologi mampu digunakan secara berulang kali. Faktor ini telah menyebabkan peranan guru diambil alih oleh agen pedagogi dan proses pembelajaran sendiri boleh berlaku melalui bimbingan individu yang lebih berpengalaman (Vygostky 1962). Justeru itu, kanak-kanak era moden bukan seperti kanak-kanak pada zaman dahulu yang hanya bermain dengan alat permainan yang ada di rumah, taska dan tadika. Pemikiran kanak-kanak sekarang juga semakin terbuka jika hendak dibandingkan dengan kanak-kanak pada zaman dahulu. Mereka telah didedahkan dengan gadget-gadget yang terkini seperti komputer riba, tablet, telefon bimbit dan sebagainya. Ditambah pula dengan zaman pemerolehan jalur lebar yang tiada sempadan. Menurut Yuwanto (2010), pengaruh media elektronik telah menjadikan tahap sosial kanak-kanak merudum. Oleh itu, kanak-kanak semakin kurang bergaul

serta berinteraksi dengan kanak-kanak yang lain kerana banyak menghabiskan masa dengan telefon bimbit. Lantaran itu, ibu bapa dan guru, mesti merancang pelbagai aktiviti yang menggalakkan komunikasi dalam kalangan mereka supaya perkembangan sosial mereka dapat berkembang dengan baik.

Perkembangan sosial kanak-kanak amat dipengaruhi oleh persekitaran dan gaya hidup kanak-kanak. Seperti yang dapat dilihat, ada kanak-kanak yang aktif dan ada kanak-kanak yang pasif. Rizzo (1990) mengungkapkan bahawa ketika kanak-kanak berinteraksi dengan rakan sebayanya, mereka akan saling berkongsi maklumat serta input yang dapat menjana perkembangan otak. Terdapat juga di antara mereka yang sukar untuk berinteraksi dengan orang di sekeliling mereka. Ianya disebabkan oleh beberapa faktor yang telah mempengaruhi perkembangan sosial mereka seperti faktor sekatan atau halangan dipihak ibu bapa yang tidak memberi galakkan serta sokongan untuk mereka bersosialisasi sesama mereka Poole & Snarey (2011).

Selain daripada itu, Ismail (2002) mengatakan terdapat juga faktor lain seperti gaya asuhan dan didikan ibu bapa yang tidak membina jati diri sewaktu anak-anak masih kecil. Gaya asuhan dan didikan secara autoritarian akan menjadikan kanak-kanak suka memendam perasaan, kemurungan, tiada keyakinan diri dan sebagainya. Gaya asuhan dan didikan secara autoritarian dapat dikenali sekiranya ibu bapa mengamalkan cara asuhan dan didikan secara mengongkong serta tidak memberi kebebasan kepada anak-anak dalam menjalani kehidupan seharian.

Walau bagaimanapun, terdapat langkah-langkah yang dapat digunakan bagi menangani masalah kanak-kanak yang kurang berinteraksi supaya perkara itu tidak memberi kesan kepada perkembangan sosial mereka. Antara kaedah atau pendekatan yang boleh diamalkan oleh ibu bapa untuk membantu meningkatkan perkembangan sosial kanak-kanak ialah dengan memerhati sikap dan suri teladan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW berpandukan hadis dan sunnah Baginda. Skop perbincangan ini akan diperincikan berdasarkan kepada satu hadis sahaja iaitu hadis *Yā Abā 'Umayr*. Ini kerana perbincangan menggunakan hadis yang lain akan diperluaskan melalui penulisan artikel. Menurut Agung (2003), kelemahan daya tumpu seseorang akan terganggu apabila terlalu banyak ransangan yang diperhatikan.

Setiap individu pada fitrahnya dilahirkan dengan memiliki potensi-potensi tertentu yang menjadikan mereka sebagai satu organisma yang unik. Unik dalam erti kata lain ialah mereka mempunyai potensi-potensi tersendiri untuk mereka cangkil, asah dan gilap sehingga ia bersinar melalui pilihan-pilihan yang wujud di dalam kehidupan yang mereka lalui. Ini bermakna, kejayaan seseorang pelajar banyak terletak di tangannya sendiri. Dengan kata lain, mereka bertanggungjawab untuk mencapai matlamat hidup yang di

inginkan serta menentukan cara untuk mencapai matlamat tersebut. Namun demikian, tidak dinafikan ianya juga bergantung kepada beberapa faktor lain. Salah satunya ialah interaksi sosial. Hal ini kerana, mereka yang tidak mampu untuk menyerap tekanan daripada persekitaran dan ianya akan menyebabkan mereka ketinggalan dalam banyak bidang. Tambahan pula, maklumat, idea, ilmu dan isu-isu semasa hanya boleh diperolehi melalui perhubungan dengan orang lain. Mohammad Aziz Shah (2013), menyatakan sekolah adalah tempat kedua terpenting dalam memberi pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar selain dari rumah. Di sini, jelas membuktikan betapa pentingnya interaksi sosial kepada pelajar.

Melihat kepada kurangnya interaksi segelintir kanak-kanak dengan orang luar misalnya jiran tetangga, ianya akan memberi impak atau kesan ke atas perkembangan sosial mereka seperti pemerolehan bahasa, pemodelan tingkah laku serta adab dan cara bergaul yang baik. Gangguan ke atas perkembangan sosial mereka akan mempengaruhi perkembangan-perkembangan lain.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memperincikan pengajaran-pengajaran yang dapat dikutip melalui penelitian terhadap satu hadis. Pengajaran hadis yang diperolehi akan dijadikan bahan bercetak untuk dikongsikan bersama dengan ibu bapa dan masyarakat terutamanya soal pendidikan anak-anak diperingkat kecil. Pendidikan diperingkat awal memerlukan kebijaksanaan serta kebolehan untuk mengendalikan psikologi diri sendiri mahupun anak-anak supaya anak-anak tidak menyeleweng. Hadis yang dipetik oleh penulis akan membincangkan tentang cara-cara untuk mendidik anak-anak secara langsung untuk bersosialisasi dengan masyarakat. Kebolehan berinteraksi memberi laluan luas kepada anak-anak untuk berkembang secara aktif dan proaktif.

2. Metodologi Kajian

Metode pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan metode perpustakaan, iaitu rujukan tertumpu kepada artikel jurnal, tesis, buku, prosiding, akhbar dan seumpamanya. Data dan maklumat tentang interaksi sosial kanak-kanak diperolehi menerusi penelitian terhadap jurnal, tesis dan dokumen berkaitan. Manakala data berkaitan kefahaman hadis *Yā Abā 'Umayr* diperolehi melalui penelitian terhadap kitab-kitab *shurūh al-ḥadīth*.

Kajian ini membincangkan kaedah pengaplikasian kefahaman hadis *Yā Abā 'Umayr* kepada ibu bapa dan masyarakat. Bagi tujuan tersebut, kajian berbentuk aplikasi teori ini digarap secara deskriptif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Kajian mendapati, pengaplikasian kefahaman tentang kaedah interaksi sosial terhadap kanak-kanak yang terkandung dalam hadis *Yā Abā 'Umayr* berupaya memacu perkembangan sosial kanak-kanak ke tahap yang lebih baik.

3. Kajian Literatur

3.1 Pendidikan menurut Islam

Pendidikan merupakan suatu aspek yang amat dititik beratkan oleh Islam. Ia digambarkan melalui penurunan ayat pertama Surah al-'Alaq:1 (Terjemahan al-Quran (2014). Menurut Syeikh Muhammad Jamaluddin (2014), kenyataan yang lebih jelas dapat diperhatikan dengan melihat kepada penerangan yang dibuat oleh Imam al-Ghazali di dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin* bab ilmu. Bab tersebut beliau mengatakan, ilmu pengetahuan yang diperolehi perlu diperkukuhkan melalui cara pengajian secara bertalaqi. Musthofa (2003). Pendidikan bukan sahaja tertumpu pada proses pemindahan maklumat daripada seorang guru kepada seorang murid tetapi ia merupakan satu proses pembentukan insan cemerlang dari perspektif yang berbeza berbanding dengan barat.

Sistem pendidikan dalam Islam memberi penekanan kepada aspek pembangunan insan. Pembangunan insan bermaksud pembangunan manusia dengan sifat-sifat kemanusiaan sesuai dengan fitrah kejadiannya. Setiap manusia diciptakan dengan komposisi yang sama iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Tuah et.al (2012) mengatakan pendidikan menurut Islam menekankan bahawa ke semua empat elemen tersebut perlu dibangunkan secara bersepadu. Pengabaian terhadap salah satu aspek tersebut boleh menyebabkan berlakunya kepincangan di dalam masyarakat secara amnya dan keluarga khususnya.

Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), jasmani bermaksud perkaitan dengan tubuh badan atau benda dan ia berlawanan dengan rohani. Seterusnya menurut Papalia dan Olds (1978), pembangunan emosi bermaksud individu yang memiliki emosi yang stabil dan seimbang serta dapat disesuaikan mengikut keadaan dan masa. Tidak berlaku "perasaan mengatasi kewarasan". Seterusnya pembangunan rohani menurut Asmawati Suhid (2005), beliau mengatakan manusia yang baik bermula daripada intipati tauhid kepada Allah SWT. Hasil daripda itu, hubungan baik dari segi pergaulan, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah SWT akan menjadi baik. Terakhir ialah pembangunan intelek. Menurut Mack (1994), intelek bermaksud satu bentuk gambaran yang muncul dan disimpan dalam otak tentang hubungan spatial di antara objek-objek yang dilihat serta kecerdikan, kecerdasan dan kewarasan akal fikiran. Memiliki tahapan intelektual yang tinggi, berinovatif, berdedikasi dan proaktif. Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa pendidikan menurut islam bukan hanya tertumpu pada pembangunan minda semata, tetapi ia turut melibatkan pembangunan jiwa.

3.2 Pendidikan anak-anak menurut Islam

Menurut (Kartini Kartono, 1992), pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam bermula sejak dari alam rahim bahkan soal pemilihan calon suami atau isteri juga diajarkan oleh Islam. Hasil dari perkahwinan tersebut keluarganya akan membawa kebaikan kepada manusia. Antaranya dapat menjamin kewujudan manusia, memelihara nasab keturunan, menyelamatkan masyarakat dari keruntuhan akhlak, menyelamatkan masyarakat daripada penyakit seperti penyakit sipilis. Selain itu perkahwinan juga akan memberi ketenangan jiwa dan perasaan kepada manusia. Seterusnya perkahwinan akan menyemarakkan perasaan sebagai ibu bapa apabila memiliki anak-anak kelak.

Abdullah Nasih Ulwan (1998) dalam bukunya yang bertajuk, Pendidikan Anak-Anak Menurut Islam ada menyebut tentang sifat semula jadi ibu bapa terhadap anak-anak iaitu perasaan kasih sayang terhadap anak, belas kasihan dan mendidik anak-anak. Beliau juga menjelaskan tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan apabila berjaya memperoleh cahaya mata (anak). Perkara-perkara tersebut ialah adab ketika berlakunya kelahiran seperti azan dan iqamat pada anak, melakukan tahnik serta mencukur kepala anak. Beliau juga menyentuh soal hukum hakam untuk menamakan anak dan melakukan akikah bagi anak serta hukum berkhitan.

Menurut Azizi Yahaya (2012), penyelewengan terhadap anak-anak berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kemiskinan, pergaduhan ibu bapa, perceraian, masa lapang anak-anak yang diisi dengan perkara yang tidak berfaedah, pengaruh rakan sebaya, layanan buruk ibu bapa terhadap anak, menonton filem-filem ganas, ibu bapa melepaskan diri dari mendidik anak-anak dan anak yatim yang terbiar. Selain daripada penyelewengan, beliau juga mengupas tentang cara untuk mengelakkan dari berlakunya penyelewengan dalam kalangan anak-anak.

Ringkasannya, pendidikan anak-anak menurut Islam begitu luas. Ia bukan hanya tertumpu kepada al-Quran, solat serta akhlak semata-mata. Tetapi pendidikan ini mestilah meliputi seluruh ruang kehidupan manusia sejak dari awal kelahiran sehinggalah kepada hari kematian.

3.2.1 Psikologi perkembangan manusia

Mahmood Nazar Mohamed (2005) dalam buku yang bertajuk Pengantar Psikologi—Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia, menyatakan psikologi bermaksud kajian jiwa, mental dan rohani manusia. Ia berasal daripada gabungan dua perkataan Greek Psyche (Psiko) yang bermakna jiwa, rohani atau ental dan logos (logi) bermaksud kajian. Secara mudahnya psikologi bermaksud atau analisa atau andai terhadap

perkembangan jiwa seseorang. Perkembangan jiwa saling berkaitan dengan perkembangan diri seperti, akal fikiran, tumbesaran dan pertumbuhan.

Suzana Jaafar (2008), di dalam bukunya yang bertajuk Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja menyatakan psikologi perkembangan bertujuan untuk membekalkan pengetahuan tentang perkembangan mental dan psikomotor kanak-kanak peringkat awal, peringkat remaja dan dewasa kepada guru dalam proses pengajaran demi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran murid. Selain itu, menurut Suzana Jaafar (2008) lagi, pengetahuan berkaitan psikologi bertujuan untuk memberi kefahaman kepada guru berkenaan peringkat-peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak agar dapat membina alat atau teknik mengajar yang setaraf dengan perkembangan kanak-kanak. Akhir sekali psikologi adalah ilmu untuk membantu para guru memahami perubahan tingkah laku kanak-kanak supaya dapat dirancang aktiviti-aktiviti yang lebih menarik dan mencabar.

Merujuk kepada pernyataan Peterson (1986). Psikologi perkembangan diperlukan untuk membekalkan pengetahuan kepada guru dalam membuat persediaan bahan sumber pengajaran yang lebih bersesuaian. Selain itu, ia juga dapat membantu para guru menyediakan isi pelajaran dan kandungan yang lebih efektif. Dan akhir sekali, ia dapat memberi pengetahuan kepada guru untuk mengenali dan meneliti tingkah laku murid disamping mencari jalan penyelesaian untuk memperbaiki permasalahan yang timbul.

Perkembangan seseorang manusia berlaku selari dengan tahap perkembangan kematangannya. Menurut Abidin (1998), perkembangan kematangan dapat dilihat dari aspek psikomotor, kognitif dan afektif. Setiap perkembangan ini merupakan pencapaian seseorang itu untuk melakukan suatu kemahiran tertinggi dalam hidupnya. Kemahiran yang diperoleh hasil dari kematangan adalah merupakan asas kepada perkembangan kemahiran yang berikutnya.

Perkembangan manusia berlaku secara terarah. Perkembangan manusia berlaku secara sekata. Iaitu permulaan pertumbuhan dibahagian kepala, badan dan akhirnya kaki. Perkembangan juga merupakan satu proses yang berlaku secara tersusun. Kanak-kanak terlebih dahulu merangkak atau mengesot sebelum mereka mula berjalan. Menurut Atan Long (1986), perkembangan ini berlaku secara teratur dan tidak boleh berubah atau dihalang. Sebagai contohnya, kanak-kanak yang lahir awal (pramatang) akan mengalami sedikit kelewatan dari aspek perkembangan berbanding orang lain. Namun begitu, dia akan tetap sampai kepada tahapan perkembangan yang sama dengan kanak-kanak lain.

Menurut Bronfenbrenner (1998), perkembangan setiap dari mereka berbeza-beza. Walaupun urutan perkembangan kanak-kanak serupa tetapi mereka mempunyai corak perkembangannya yang tersendiri. Dengan itu

tidak semua kanak-kanak akan sampai kepada titik perkembangan yang sama. Walaupun begitu, tahap perkembangan ini bersifat tekal iaitu kanak-kanak akan tetap sampai kepada tahap perkembangannya mengikut kadaran masa yang sesuai. Satu masa, kanak-kanak yang tinggi akan tetap menjadi tinggi dan kanak-kanak yang rendah akan tetap menjadi rendah.

Secara kesimpulannya, perkembangan manusia dipengaruhi oleh pelbagai aspek termasuk gen, biologi, kesihatan dan pemakanan.

4. Hadis *Yā Abā ‘Umayr*: Takhrij Dan Taburannya Dalam Kitab Hadis

Hadis *Yā Abā ‘Umayr* merujuk kepada suatu kisah Rasulullah SAW berjumpa dengan seorang kanak-kanak yang diberi gelaran Abū ‘Umayr. Kisah ini dapat ditinjau secara keseluruhan plotnya menerusi pengumpulan teks-teks hadis daripada pelbagai kitab hadis.

4.1 Teks Hadis:

Hadis *Yā Abā ‘Umayr* diriwayatkan dengan pelbagai versi, sama ada diriwayatkan secara ringkas atau dinyatakan dalam kisah keluarga Abū Ṭalhāh RA dan Umm Sulaym RA. Fokus penulisan ini adalah kisah yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik RA, beliau mengatakan:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْسَنَ النَّاسِ خُلُقًا، وَكَانَ لِي أَخٌ يُقَالُ لَهُ: أَبُو عُمَيْرٍ، قَالَ: أَحْسِبُهُ، قَالَ: كَانَ فَطِيمًا، قَالَ: فَكَانَ إِذَا جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَأَاهُ، قَالَ: «أَبَا عُمَيْرٍ مَا فَعَلَ التُّعَيْرُ» قَالَ: فَكَانَ يَلْعَبُ بِهِ

Terjemahan: Rasulullah SAW adalah manusia yang paling indah akhlakunya. Saya memiliki seorang adik yang dipanggil sebagai Abū ‘Umayr. (Perawi berkata): Saya menyangka bahawa dia (Anas) menyebut bahawa dia (Abū ‘Umayr) baru melepasi peringkat umur susuan. Dan apabila Rasulullah SAW datang dan melihatnya, maka baginda berkata, “Wahai Abū ‘Umayr, apa yang telah berlaku kepada *Nughayr*?” Seekor burung yang dia sentiasa bermain dengannya.

[Hadis riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Ādab, Bāb al-Inbiṣāt ilā al-Nās*, no. hadis 6129, *Bāb al-Kunyah li al-Ṣabiy wa Qabl an Yūlad li al-Rajul*, no. hadis 6203, Muslim, *Kitāb al-Ādāb, Bāb Istihbāb Tahnik al-Mawlūd*, no. hadis 2150, Abū Dāwūd, *Kitāb al-Ādab, Bāb mā Jā’ fī al-Rajul Yutakannā wa Lays lah Walad*, no. hadis 4969, al-Tirmidhī, *Kitāb al-Ṣālāh, Bāb mā Jā’ fī al-Ṣālāt ‘alā al-Busuṭ*, no. hadis 333, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah, Bāb Ma Jā’ fī al-Mizāh*, no. hadis 1989, al-Nasā’ī, *Kitāb al-Nikāh Bāb al-Tazwīj ‘alā al-Islām*, no. hadis 3341 dan Ibn Mājah, *Kitāb al-Ādab, Bāb al-Mizāh*, no. hadis

3720 dan *Bāb al-Rajul Yukannā Qabl an Yūlad Lah*, no. hadis 3740. Teks hadis menurut riwayat Muslim].


Menurut hasil induksi dan deduksi terhadap kisah Abū Umayr dalam *al-Kutub al-Sittah* (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abū Dāwūd, Jāmi' al-Tirmidhī, Sunan al-Nasa'ī dan Sunan Ibn Mājah), penulis merumuskan bahawa:

- 1) Anas RA menyifatkan Rasulullah SAW bahawa baginda bergaul bersama kanak-kanak. Beliau menjadikan kisah Au 'Umayr sebagai contoh kepada sifat tersebut. (Riwayat al-Bukhārī, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah)
- 2) Abū 'Umayr adalah *kunyah* (gelaran) kepada seorang kanak-kanak pada zaman Rasulullah SAW, bukan namanya yang sebenar (Semua *al-Kutub al-Sittah* melainkan al-Nasā'ī).
- 3) *Abū Umayr* adalah adik kepada Anas bin Mālik RA. (Semua *al-Kutub al-Sittah* melainkan al-Nasā'ī).
- 4) Rasulullah SAW sentiasa menziarahi keluarga Abū Ṭalhah. (Semua *al-Kutub al-Sittah* melainkan al-Nasā'ī).
- 5) Abū 'Umayr sering disapa oleh Rasulullah SAW dan bergurau senda dengan baginda. (Semua *al-Kutub al-Sittah* melainkan al-Nasā'ī).
- 6) Rasulullah SAW bersolat bersama Abū 'Umayr dan Anas RA serta Umm Sulaym RA. (Riwayat al-Bukhārī)

4.2 Jalur Riwayat Hadis: Ya Aba 'Umayr Dalam al-Kutub al-Sittah

Hadis *Ya Abā 'Umayr* telah diriwayatkan oleh ramai ulama hadis dan dimuatkan dalam kitab-kitab mereka. Malah, hadis ini telah diriwayatkan oleh semua penulis *al-Kutub al-Sittah*, iaitu gelaran kepada enam ulama hadis terkenal iaitu Imam al-Bukhārī (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), Imam Muslim (Ṣaḥīḥ Muslim), Imam Abū Dāwūd (Sunan Abū Dāwūd), Imam al-Tirmidhī (Jāmi' al-Tirmidhī), Imam al-Nasa'ī (Sunan al-Nasa'ī) dan Imam Ibn Mājah (Sunan Ibn Mājah). Justeruu itu, dapat dirumuskan bahawa status hadis adalah sahih, malah berstatus *muttafaq 'alayh* iaitu diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim.

Menerusi analisis secara induktif terhadap sumber-sumber hadis dalam *al-Kutub al-Sittah*, dapat dirumuskan bahawa hadis *Ya Abā Umayr* hanya diriwayatkan oleh Anas bin Mālik RA, menerusi dua jalur riwayat iaitu, jalur Thābit bin Aslam al-Bunānī dan jalur Abū al-Tayyāh Yazīd bin Ḥumayd. Perinciannya telah dipaparkan dalam rajah di bawah:



4.3 Taburan Hadis Ya Abā 'Umayr Dalam al-Kutub al-Sittah

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, hadis *Ya Abā 'Umayr* telah dimuatkan dalam *al-Kutub al-Sittah*. Walau bagaimanapun, hasil tinjauan menunjukkan bahawa hadis berkenaan telah diletakkan dalam bab dan judul yang berbeza, malah diulang-ulang dalam satu karya yang sama mengikut perspektif penulisnya.

Jadual 1.0: Taburan Hadis *Yā Abā umayr* Dalam *al-Kutub al-Sittah*

No.	Sumber	Judul	Jilid/ Bab	No. Hadis
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitāb al-Adab</i>	<i>Bāb al-Inbiṣāṭ ilā al-Nās</i> (Bab Pergaulan Dengan Orang Ramai)	6129
			<i>Bāb al-Kunyah li al-Ṣabiy wa Qabl an Yūlad li al-Rajul</i> (Bab Kunyah (Gelaran) Kepada Kanak-Kanak Dan Lelaki Sebelum Memiliki Anak)	6203
2	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Kitāb al-Ādāb</i>	<i>Bāb Istihbāb Tahnik al-Mawlūd</i> (Bab Galakan Tahnik Kepada Bayi)	2150
3	<i>Sunan Abū Dāwūd</i>	<i>Kitāb al-Adab</i>	<i>Bāb Mā Jā' fī al-Rajul Yutakannā wa Lays lah Walad</i> (Bab Tentang Lelaki Diberi Gelaran Walaupun Tidak Memiliki Anak)	4969
			<i>Bāb Mā Jā' fī al-Ṣalāt 'alā al-Busuṭ</i> (Bab Tentang Solat di Atas Hamparan)	333
4	<i>Jāmi' al-Tirmidhī</i>	<i>Kitāb al-Ṣalāh wa al-Ṣilah</i>	<i>Bāb Mā Jā' fī al-Mizāḥ</i> (Bab Tentang Gurauan)	1989
			<i>Bāb al-Tazwīj 'alā al-Islām</i> (Bab Tentang Perkahwinan Atas Dasar Islam)	3341
6	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	<i>Kitāb al-Adab</i>	<i>Bāb al-Mizāḥ</i> (Bab Tentang Gurau-senda)	3720
			<i>Bāb al-Rajul Yukannā Qabl an Yūlad Lah</i> (Bab Lelaki Diberi Gelaran Sebelum Memiliki Anak)	3740

(Sumber: Muhammad Saifullah, Khairulnazrin & Rahim, 2020)

Pemilihan hadis untuk diletakkan dalam sesuatu judul atau bab memberikan faedah besar dalam aspek *fiqh al-hadīth*. Selain ia menonjolkan ketajaman pemikiran para penulisnya terhadap maksud hadis, ia dapat membantu pembaca dalam melakukan *istinbāt* terhadap pengajaran yang terkandung di dalamnya (Muhamad, M. A. 2010 dan Ab Rahim, N. M. Z., & Suliaman, I. 2018).

Jadual di atas menunjukkan bahawa kebanyakan penulis-penulis *al-Kutub al-Sittah* meletakkan hadis *Yā Abā Umayr* dalam judul atau kitab al-Ādab iaitu koleksi-koleksi hadis tentang adab dalam pergaulan. Al-Tirmidhī khususnya meletakkan hadis itu dalam judul al-Birr wa al-Ṣilah iaitu merujuk kepada koleksi hadis tentang berbuat baik dan perhubungan sesama manusia. Al-Tirmidhī juga mengulangi hadis *Yā Abā Umayr* dalam kitab al-Ṣalāh kerana terdapat perikan dalam teks hadis menyebut tentang Rasulullah SAW solat secara berjemaah dengan Anas RA, Abū Umayr RA dan Umm Sulaym RA. Sementara al-Nasa’i meletakkan hadis itu dalam judul al-Nihāh kerana permulaan hadis dalam sebahagian riwayat menyebut kisah pernikahan antara ibu bapa Abū ‘Umayr, iaitu Abū Ṭalhah dan Umm Sulaym.

5. Analisis Hadis *Yā Abā ‘Umayr*

Ulama merupakan pewaris kepada Nabi akhir zaman. Kebijaksanaan dan kecerdasan akal fikiran yang dianugerahkan Allah SWT telah menjadikan mereka dapat menatijahkan banyak pengajaran daripada hadis yang sangat ringkas ini. Bahkan, ada dalam kalangan mereka yang dapat menatijahkan sekitar 60 pengajaran dari hadis ini dengan cara menghimpunkannya melalui berbagai jalur periwayatan. Berikut merupakan beberapa pengajaran yang dapat disimpulkan berdasarkan kepada hadis *Yā Abā ‘Umayr*. Pengajaran hadis ini amat sesuai untuk dijadikan panduan bagi ibu bapa dan masyarakat terutamanya dalam skop interaksi sosial kanak-kanak.

5.1 Pemuliaan Kanak-Kanak

Nabi SAW berakhlak dengan akhlak yang baik iaitu baginda sering memuliakan kanak-kanak. Memuliakan di sini bukan bermaksud mengagungkan, sebaliknya memberi penghormatan. Hal ini bertepatan dengan kata-kata keramat “*What you give, you get back*”. Suatu huraian awal kepada kata-kata tersebut ialah setiap sesuatu sikap yang dipertontonkan kepada kanak-kanak akan menjadi ikutan pada mereka. Selari dengan kenyataan Albert Bandura (1971). Beliau menyatakan bahawa kanak-kanak belajar melalui proses peniruan. Mereka akan meniru setiap tingkah laku orang yang mereka minati. Sikap memuliakan kanak-kanak akan membantu kanak-kanak untuk berinteraksi dengan masyarakat dalam ruang lingkup yang baik dan selamat.

5.2 Sentuhan Kasih Sayang

Menurut Papalia et.al (2004) sentuhan dan belaian ibu bapa terhadap anak sejak lahir akan membentuk tingkah laku dan perilaku anak yang baik dan berkeyakinan serta bijak dalam menguruskan interaksi dalam masyarakat.

Selain itu, hadis *Ya Aba Umayr* menjelaskan tentang kepentingan memberikan kasih sayang kepada anak kecil. Ibu bapa dan masyarakat perlu bersikap seperti itu terhadap anak-anak. Ini kerana sikap itu disanjung tinggi oleh agama. Di samping itu, perlu dijauhi sikap kasar dan keras terhadap mereka, kerana perkara sedemikian adalah dilarang serta ianya dapat menjadi punca kepada penyelewengan anak-anak. Abdullah Nasih Ulwan ada menyebut dalam bukunya Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam mengenai cara menjadikan anak-anak berkahlak melalui santunan dan pemberian kasih sayang. Hasilnya, anak-anak akan membesar dengan seimbang dari aspek jasmani dan rohani.

Dalam hadis yang lain, Abu Hurairah mengatakan:

قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ التَّمِيمِيُّ جَالِسًا، فَقَالَ الْأَقْرَعُ: إِنَّ لِي عَشْرَةَ مِنَ الْوَلَدِ مَا قَبَّلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا، فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ: «مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ»

Terjemahan: Rasulullah SAW mencium al-Hasan bin Ali sedang Aqra' bin Habis duduk di sebelahnya. Aqra' menyatakan, "Saya mempunyai sepuluh anak, tetapi belum pernah saya mencium salah seorang di antara mereka." Lalu Rasulullah SAW memandangnya seraya berkata, "Barangsiapa yang tidak menyayangi maka tidak akan disayang."

[Hadis riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab, Bāb Raḥmat al-Walad, wa Taqbilih wa Mu'āmalatih*, no. hadis 5997, Muslim, *Kitāb al-Fāḍāil, Bāb Raḥmat al-Nabiy*, no. hadis 6097, Abū Dāwūd, *Kitāb al-Adab, Bāb Qublat al-Rajul Waladah*, no hadis 5218 dan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah, Bāb Raḥmat al-Walad*, no hadis 1911]

Hadis tersebut membuktikan betapa agungnya akhlak Nabi SAW dan dianjurkan supaya menyemai sifat kasih dan sayang terhadap anak-anak. Maka kita sebagai ibu bapa perlu meluangkan waktu untuk bermanja dengan anak-anak secara tidak keterlaluan, kerana jika keterlaluan juga tidak elok dan ia akan menghilangkan sifat kewibawaan sebagai ibu bapa di depan anak-anak.

5.3 Akomodasi Pengetahuan

B.R. Hergenhahn & Matthew H. Olson, (2010) mengatakan bahawa kanak-kanak berkembang berpandukan kepada pengalaman sedia ada yang dibantu oleh persekitaran. Teori kognitif Piaget pula menyimpulkan bahawa setiap kanak-kanak memiliki pemikiran yang kompleks dan pemikiran ini berkembang setiap kali mendapat galakkan dan sokongan moral yang baik.

5.4 *Kecindan Mengeratkan Hubungan*

Kecindan atau “*sense of humor*” diistilahkan sebagai satu jenaka, lawak, dan kata-kata atau perbuatan yang kelakar. Kecindan boleh ditakrifkan sebagai kebolehan seseorang manusia, objek, situasi atau perkataan untuk mencetuskan perasaan gembira atau terhibur. Berdasarkan kepada hadis *Ya Aba Umayr*, Nabi SAW sentiasa kecindan (bergurau) dengan kanak-kanak iaitu Nabi SAW menegur Aba Umayr berkaitan dengan anak burung yang dijadikannya sebagai teman bermain. Kecindan akan menimbulkan suasana selesa dan keterbukaan jiwa serta minda terhadap afektif kanak-kanak.

Dalam satu hadis, Nabi SAW tidak segan silu untuk membentuk mimik muka “*Body language*” ketika melayani kanak-kanak. Perkara ini dapat dibuktikan dengan petikan hadis daripada Abu Hurairah r.a, beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "لِيُدْلِعَ لِسَانَهُ لِلْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ ، فَيَرَى الصَّبِيَّ حُمْرَةَ لِسَانِهِ
فَيَبْهَشُ إِلَيْهِ

Terjemahan: Rasulullah SAW menjulurkan lidahnya kepada Hasan bin Ali sehingga anak kecil itu melihat warna merah lidah beliau lalu mengulurkan tangan untuk meraihnya.

[Hadis riwayat Ibn Hibbān, 12: 408, no hadis 5596 dan 15: 431, no. hadis 6975 dan al-Baghawī dalam Sharḥ al-Sunnah, 13: 180, hadis 3603. Al-Albānī menilai hadis ini sebagai *ḥaṣan* dalam al-Silsilah al-Ṣaḥīḥah, no 70]

5.5 *Montessori Therapy*

Menurut Azizah Nurdin (2005). *Montessori Therapy* merupakan satu kaedah pembelajaran berkesan kepada kanak-kanak. Kaedah ini mampu memupuk sikap ingin belajar secara kolektif dan santai. *Montessori Therapy* diaplikasikan melalui kaedah bermain merangkumi pengajian akademik. Peringkat umur kanak-kanak yang masih muda adalah salah satu dari lajur perkembangan kognitif yang amat proaktif. Kanak-kanak di usia ini lebih berminat dan sering berimajinasi dengan persekitarannya secara bersama melalui aktiviti bermain. Oleh hal yang demikian, ibu bapa seharusnya melayani dan membimbing mereka untuk memilih aktiviti-aktiviti yang dapat memperkembangan pemikiran ke arah yang lebih baik. Seperti gotong-royong, main peranan dan dramatisasi.

Berkisar kepada hadis *Ya Aba Umayr*, ibu bapa digalakkan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka alam persekitaran mereka dengan bermain pelbagai jenis alatan permainan yang bersesuaian serta dibenarkan oleh syarak seperti bahan hidup (burung dan kucing) dan

bukan hidup (bola dan buku). Keberanian mereka untuk mencuba akan menjadikan mereka seorang yang memiliki keyakinan diri yang tinggi. Proses penerokaan ini akan menjadi lebih baik sekiranya disatukan bersama-sama dengan kaedah inkuiri penemuan. Bagi merealisasikan peluang ini ibu bapa juga digalakkan membelanjakan sedikit wang untuk membeli alat permainan yang diharuskan kepada anak-anak.

5.6 Perapatan

Teori Perapatan memberi tumpuan kepada hubungan dan ikatan antara seseorang, khususnya hubungan jangka panjang termasuk di antara ibu bapa dan anak serta antara pasangan. Ahli psikologi British John Bowlby (1958) merupakan ahli teori perapatan yang pertama, menggambarkan perapatan sebagai "keterkaitan psikologi yang berpanjangan di antara manusia."

Merangkumi ruang perbincangan hadis *Ya Aba Umayr* disebutkan juga perkaitannya dengan konsep perapatan. Maka, dibolehkan seseorang mengunjungi anak kecil dalam rangka untuk bermain-main dengannya. Disamping itu, juga dianjurkannya supaya bersikap lemah lembut kepada kawan-kawan, sahabat handai, jiran tetangga samada yang masih kecil ataupun dewasa. Seterusnya, Nabi SAW telah mempamerkan suatu pengajaran agar seseorang sering bertanya khabar tentang keadaan masyarakat dalam rangka menyenangkannya tanpa mengira usia kecil atau dewasa.

Hal ini demikian kerana kanak-kanak yang membesar dalam keadaan takut dan bimbang akan menjadikan mereka berasa kurang selesa untuk berhadapan dengan orang ramai disamping memilik sifat pendiam dan pasif. Akibatnya, lunturlah sikap toleransi dalam masyarakat.

5.7 Spritual Quotient

Danah Zohar (1997) menyatakan "*Spiritual Quotient*" termasuklah hal-hal yang menjadikan seseorang itu memiliki sifat empati yang tinggi, keyakinan diri yang baik, perasaan yang dapat dikawal dengan baik mengikut keadaan dan tekanan tertentu. Hadis *Ya Aba Umayr* meperlihatkan tentang kepetingan "*Spiritual Quotient*" iaitu keperluan menjadi seorang yang dapat menghiburkan orang-orang yang sedih kerana musibah, sakit, cacat dan sebagainya.

Oleh kerana itu, dalam hadis ini Nabi SAW telah menghiburkan Aba Umayr yang sedang bersedih akibat kematian burung peliharaannya. Rasulullah SAW juga pernah bersabda: "Amalan yang paling utama adalah engkau memasukkan kegembiraan kepada saudaramu yang beriman atau membayarkan hutang atau memberikan makanan roti padanya".

5.8 Komunikasi Berkesan

Salah satu perkembangan dalam diri kanak-kanak adalah berkomunikasi. Komunikasi kanak-kanak merupakan salah satu daripada cabang perkembangan bahasa awal. Kanak-kanak akan bermula dengan satu hingga dua patah perkataan sebelum boleh membina sebaris ayat. Kanak-kanak biasanya sudah boleh berkomunikasi namun terdapat juga kesalahan sebutan dalam percakapan mereka. Menurut Hamidah (2006), Komunikasi adalah perkongsian maklumat antara dua pihak. Oleh itu, komunikasi antara ibu bapa atau penjaga dengan kanak-kanak haruslah jelas supaya matlamat komunikasi bagi kedua-dua belah pihak tercapai. Tingkah laku kanak-kanak juga selari dengan perkembangan kognitif mereka. Oleh itu, sebagai pendidik, pengasuh dan ibu bapa kepada kanak-kanak tersebut perlu peka dan memiliki pengetahuan serta mahir teknik komunikasi. Komunikasi yang berkesan akan membentuk keperibadian yang baik serta akhlak yang disenangi oleh masyarakat.

Dalam hadis *Ya Aba Umayr*, disyariatkan untuk berbicara, berkomunikasi dengan orang lain sesuai dengan tingkat pengetahuan dan keilmuan mereka. Sehubungan itu, ibu bapa dan masyarakat seharusnya bijak dalam menentukan tahapan komunikasi terhadap kanak-kanak. Hal ini demikian kerana kanak-kanak tidak mampu mengkod struktur ayat serta bahasa yang tidak selaras dengan perkembangan kognitif mereka. Justeru itu, interaksi sosial serta layanan ibu bapa dan masyarakat memainkan peranan yang penting bagi membentuk sikap yang disenangi sehingga terbinanya tingkah laku positif dalam diri kanak-kanak. Antara cara yang dianjurkan apabila berkomunikasi dengan kanak-kanak ialah selalu melihat kedalam anak matanya, bercakap dengan memandang kepada wajahnya dan sering memberi tumpuan terhadap tiap-tiap butiran kata-kata mereka.

5.9 Memodelkan

Sikap Rasulullah SAW yang ditunjukkan dalam hadis *Ya Aba Umayr* ialah merendah diri. Rasulullah SAW seringkali berziarah ke rumah saudaranya yang lemah, bergurau dengan anak kecil, solat di rumah dan sebagainya. Sikap merendah diri merupakan satu akhlak mulia yang perlu diikuti oleh semua masyarakat. Antara contoh sikap merendah diri Rasulullah SAW dapat diperhatikan melalui hubungan baginda sesama keluarga dan sahabatnya, cara pemakaiannya, pemakanan baginda, cara baginda makan dan sebagainya. Pemodelan bermaksud satu proses meniru sesuatu tingkah laku yang baik untuk diamalkan dan dikekalkan. Berdasarkan hadis ini, Rasulullah SAW menerapkan situasi pemodelan dengan bersikap merendah diri untuk digunapakai oleh umatnya. Pemodelan ini amat sinonim dengan kanak-

kanak. Kanak-kanak dalam proses pembelajaran dan peniruan memerlukan tingkah laku yang baik untuk ditiru dan diamalkan. Sesuai dengan pendekatan yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Rajah 2.0: Analisis Hadis *Ya Aba Umayr* Terhadap Interaksi Sosial Kanak-Kanak



6.0 Kesimpulan

Hadis *Yā Abā 'Umayr* mengandungi pelbagai pengajaran yang dapat diambil sebagai panduan untuk mendidik serta membentuk interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak. Abdullah Nasih Ulwan (2011) mengatakan bahawa sifat kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak mereka merupakan satu tabiat semula jadi. Perasaan yang begitu mendalam pada jiwa masing-masing. Perasaan inilah yang mendorong mereka untuk menjaga keselamatan anak, mempertahankannya, berbelas kasihan dan rahmat pada mereka.

Kasih sayang serta layanan yang diberikan oleh ibu bapa akan dapat menyelamatkan anak-anak daripada sifat keburukan seperti menipu, mencuri, dan pelbagai gejala tidak sihat yang lain. Ia juga dapat mengeratkan hubungan keakraban antara ibu bapa dan anak-anak. Interaksi ibu bapa juga mempengaruhi aspek perkembangan sendiri yang baik dalam diri anak-anak.

Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah, et., al.(2007). *Humor dalam Pengajaran*. Universiti Sains Malaysia: PTS
- Abdul Hamid Mahmood (1990). *Komunikasi Berkesan Asas Pendidikan Bermutu*. Jurnal Dewan Bahasa. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2000). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan (1998). Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam. Jil. 1,2,3: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur
- Abdul Rashid Ahmad (2003). *Surah Luqman: Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abidin Ibn Rusn (1998). *Pemikiran al-Ghazali tentang Pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Murid.
- Ab Rahim, N. M. Z., & Suliaman, I. (2018). *Analysis Of Ibn Al-Munayyir's Thoughts About Debt In The Book Of Al-Mutawari 'Ala Abwab Al-Bukhari*. al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies, 12(2), 34-44.
- Adams, G.R and Schvaneveldt, J.D (1991). *Understanding Research Methods, Second Edition*. Longman
- Adzкия, S. F., Sunarto, S., & Hartono, H. (2016). Resistensi Laras Madya Dusun Sucen Desa Triharjo Kecamatan Sleman Yogyakarta. *Catharsis*, 5(2), 91-98.
- Agung Budi Setyawan. 2010. *Aspek Neurologis Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*. Bagian Psikiatri, Dosen Fakultas Kedokteran Universitas Wijaya Kusuma Surabaya. <http://elib.fk.uwks.ac.id>; (3 September 2014).
- Ahmad Hasan Mohd. Nazam (2009). *Wasiat Luqman Al-Hakim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Haramain (2014). Al-Quran Al-Karim. Shah Alam, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid. *Pemantapan Komponen akhlak dalam pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi*. Jurnal Kemanusiaan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Bil.6, Disember 2005, hal. 95-103.
- Atan Long (1986). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azizah Lebai Nordin (2002). *Pendidikan Awal Kanaka-kanak Teori dan Amali* : Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Azizi Yahaya et.al. (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja, Punca dan Rawatan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Bowlby, J. (1958), *The nature of the child's tie to his mother*. International Journal of PsychoAnalysis, XXXIX, 1-23.
- B.R. Hergenhahn & Matthew H. Olson, (2010). *An Introduction to Theory of Personality; Eight edition*. New York.
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (1998). *The ecology of developmental processes*. Dalam W. Damon (series Ed.) & R. Lerner (Vol. Ed.), *Handbook of child psychology: Vol I, Theoretical models of human development* (pp. 993-1028), New York: Wiley
- Erikson, E. H. (1968). *On the nature of psycho-historical evidence: In search of Gandhi*. *Daedalus*, 695-730.
- Hamidah et al. (2006). Dlm Zainudin, S., & Norazmah, M.R. (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1: 115-140. ISSN: 2231-735X.
- Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publications, h. 53.

Interaksi Sosial Terhadap Kanak-Kanak: Teori dan Aplikasi Nabawi Berdasarkan
Hadis Yā Abā 'Umayr

- Ismail Ibrahim. 2002. *Ibubapa Penentu Sahsiah Anak-anak*. Dlm. Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt.). *Peranan Ibu bapa dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak*. Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Islamic Understanding (IKIM).
- Jas Laile dan Suzana Jaafar (2008). *Pengenalan Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Kamarulzaman Kamaruddin (2016). *Psikologi Perkembangan Panduan Untuk Guru*. Tanjong Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kartono, Kartini, 1992, *Pengantar Ilmu Pendidikan Teoritis (Apakah Pendidikan Masih Diperlukan)*, Mandar Maju, Bandung.
- Kitchen, P. (1997). *Public Relations: principle and practice*. London: Thomson Business Press.
- Koehler, M.S & Prior. M (1993). *Classroom interaction: The heartbeat of the teaching/learning process*. In D.T. Owens (ed), *Research ideas for the classroom: Middle grades mathematics (280-298)*. New York: Mcmillan Publishing Company for NCTM.
- Mack, W. E. (1994). *The Effect of Training in Computer-Aided Design on the Spatial Visualization Ability of Selected Gifted Adolescents*. *Journal of Industrial Teacher Education*, 31(2), 28-43.
- Maher, C. A. (1998). *Constructivism and Constructivist Teaching—Can they co-exist*. *Mathematics teaching from a constructivist point of view*, 29-42.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2005. *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Aziz Shah. (2013). *Nota Dan Aktiviti Kendiri Modul Kaunseling Motivasi Berjaya Ke Universiti: Modul Dan Aktiviti Kendiri Mencipta Kejayaan Ke Universiti*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, 131-142.
- Muhamad, M. A. (2010). *Tarajim Al-Abwab Di Dalam Sahih Al-Bukhari: Kajian Terhadap Manuskrip Sharh Tarjamah Al-Bab Oleh Mawlana Tok Khurasan/Mohd Asmawi Bin Muhammad* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Musthofa, M. (2003). *Konsep Guru dan Siswa Ideal Menurut Al-Ghazali dalam Kitab Ihya' Ulumuddin*. Kuala Lumpur: Darul Falah.
- Nelson, Richard & Jones (1995). *Counseling and Pesonality: Theory and Practice*. Sydney: Allen & Unwin Pty Ltd.
- Papalia, D. E. dan Olds, S. W. (1978). *Human Development*. New York: Mc Graw Hill.
- Patterson, L., 1986. Performance models for antisocial boys. *American Psychologis*. Hal: 432-444.
- Poole & Snarey, John. (2011). Erikson's Stages of the Life Cycle. *Encyclopedia of Child Behavior and Development*. 2. 599-603.
- Rizzo. 1990. *Friendship Developmen Among Cildren in Scool*. Norwood, New Jersey: Ablex Publishing Corporation.
- Shahabuddin Hashim dan Nazrul Hassan (2011). *Al Quran sebagai sumber ilmu dan implikasinya dalam pendidikan awal kanak-kanak*. Prosiding Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pendidikan Khas. Universiti Sains Malaysia.
- Spodek, B. (1985). *Teaching in early year.*, (3rd Ed). New Jersey: Prentice Hall.
- Sunarto dan Agung. Hartono. 1999. *Perkembangan Fisik Peserta Didik*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Suzana Jaafar, (2008). *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Perpustakaan Negara Malaysia. Selangor: Polygraphic (M) Sdn. Bhd.
- Syeikh Muhammad Jamaluddin (2014). *Mutiara Ihya' Ulumuddin*. Ipoh, Perak: Buku-Buku.
- Yusuf, Syamsu. 2007. *Psikologi perkembangan anak dan remaja*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

- Tuah, A. H. M., Stapa, Z., & Munawar, A. (2012). *Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak (Strengthening Malay-Muslim Identity through Islamic Education and Akhlak Teaching)*. Jurnal Hadhari: An International Journal, 23-35.
- Vygotsky, L.S. (1962). *Thought and language*. New York: Wiley.
- Yuwanto, Lystio. 2010. *Mobile Phone Addict*. Surabaya: Putra Media Nusantara
- Zohar, Danah dan Marshall (2007). *Memfaatkan Kecerdasan Spritual Dalam Berpikir Integralistik dan Holistik untuk Memaknai Kehidupan*. Bandung, Mizan

Interaksi Sosial Terhadap Kanak-Kanak: Teori dan Aplikasi Nabawi Berdasarkan
Hadis Yā Abā 'Umayr